



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

**SIARAN MEDIA
AGENCI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**LAWATAN KERJA MENTERI PENGANGKUTAN KE HAB
PENGANGKUTAN LALAPORT**

KUALA LUMPUR, 21 Januari 2026 – Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook hari ini telah mengadakan lawatan kerja ke **Hab Pengangkutan Lalaport** yang terletak di Aras LG1, Mitsui Shopping Park Lalaport Bukit Bintang City Centre (BBCC), Kuala Lumpur.

Lawatan ini bertujuan meninjau kemudahan, operasi serta peranan hab tersebut sebagai salah satu pusat pengangkutan bandar yang menyokong integrasi pengangkutan awam, khususnya perkhidmatan bas persiaran dan pelancongan di pusat bandar Kuala Lumpur.

Hab Pengangkutan Lalaport dikendalikan oleh **Asia Success Resources Sdn. Bhd.**, iaitu syarikat yang juga mengendalikan terminal di Pusat Pengangkutan KLIA Terminal 2. Hab ini direka bentuk bagi memudahkan pergerakan pengguna pengangkutan awam, khususnya pelancong, dengan penekanan kepada aspek **keselamatan, kecekapan dan keselesaan**.

Antara kemudahan utama yang disediakan di hab ini termasuk:

- Sistem jualan tiket bersepadu (Centralised Ticketing System atau CTS);
- **11 petak bas** yang terdiri daripada 6 petak berlepas dan 5 petak ketibaan;

- Akses kepada kemudahan pertukaran ke perkhidmatan **LRT dan Monorel**;
- Perkhidmatan **Bus On Demand (BOD)** yang menghubungkan Lalaport dengan kawasan Bukit Bintang dan Mont Kiara.

Buat masa ini, operasi di Hab Pengangkutan Lalaport melibatkan **bas persiaran dan perkhidmatan BOD**, selaras dengan konsep pembangunan dan keperluan semasa kawasan tersebut. Ia memfokuskan laluan bas dari Singapura ke Lembah Klang tanpa bersaing dengan terminal sedia ada seperti Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan Terminal Bersepadu Gombak (TBG).

YB Menteri Pengangkutan menegaskan bahawa pembangunan terminal bas yang tersusun dan bersepadu adalah penting bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam dapat beroperasi secara selamat, cekap dan selesa, selain menyokong agenda mobiliti mampan serta pertumbuhan sektor pelancongan negara.

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

21 JANUARI 2026

-TAMAT-

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)

+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail ukk@apad.gov.my